

Malaysia untuk

kita semua: PM

BH 20 NOV 1984

KUALA TERENGGANU. Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

berkata, di negara berbilang kaum seperti Malaysia, tidak ada satu pihak yang boleh mendapat semua yang diidamkan.

Ini ialah kerana tanggungjawab menjamin keamanan dan kemakmuran negara adalah tugas bersama. Kesedaran ini, kata Perdana Menteri, mestilah disemaikan di kalangan mudamudi, khususnya mereka yang dilahirkan selepas merdeka.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, anak-anak mestilah diberitahu mengenai latar belakang serta

pengorbanan yang dilakukan dalam memperjuangkan kemerdekaan.

Mereka juga patut diberitahu tentang pengorbanan yang masih perlu dibuat oleh semua kaum untuk kebaikan bersama, tegas beliau ketika merasmikan pertandingan syarahan Bahasa Malaysia peringkat kebangsaan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di Dewan, Tunku Abdul Rahman di sini malam tadi.

Istimewa

Perdana Menteri menegaskan, sekolah rendah jenis kebangsaan adalah sebahagian daripada

sistem pelajaran Malaysia dan ia membuktikan penerimaan bahawa negara ini ialah negara berbilang kaum dan rakyat jela ta dibenarkan mempelajari bahasa ibunda masing-masing.

Namun demikian, tegas beliau, kedudukan bahasa kebangsaan adalah istimewa dan sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa ibunda yang bukan bahasa kebangsaan juga perlu memberi keutamaan kepada bahasa kebangsaan.

Sebenarnya, kata beliau, tidak banyak negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum mengamalkan dasar yang terbuka seperti Malaysia.

Perdana Menteri menambah, kita patutlah bersyukur kerana negara kita aman dan makmur dan kerana wujudnya keadaan ini, kita dapat membangun dengan pesat dan rakyat telah dapat menggap nikmatnya.

Dasar-dasar dan rancangan pembangunan kerajaan bertujuan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat dan segala usaha dapat dijalankan dengan adanya perpaduan, keamanan dan kerjasama.

Menyentuh peraduan syarahan itu, Perdana Menteri berkata, ia bukan sahaja membuktikan kebolehan para peserta, tetapi juga memberi galakan kepada murid-murid lain.

Kata Datuk Seri Dr Mahathir, ia juga akan membuktikan bahawa

penguasaan bahasa kebangsaan adalah inudah jika dipelajari dan digunakan dengan tekun.

Bahasa ibunda masing-masing tidak akan terjejas semata-mata kerana mereka mempelajari dengan bersungguh-sungguh bahasa kebangsaan dan kerana itu janganlah sesiapa sengaja menghalang pengajaran dan penggunaan bahasa kebangsaan.